

# Lapan bulan belum terima ulasan JPS

sh 5/7/06

**S**AYA berkhidmat di sebuah firma kejuruteraan Bumiputera yang dilantik Majlis Amanah Rakyat (Mara) untuk melaksanakan reka bentuk kejuruteraan bagi pembinaan sebuah kolej milik Mara di Banting, Selangor.

Pada November lalu, saya menghantar pelan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor untuk semakan dan ulasan teknikal. Permohonan kepada JPS saya hantar sendiri secara serahan tangan dan dicap terima JPS.

Sehingga sekarang tiada jawapan daripada JPS. Boleh dikatakan tiga atau empat kali sebulan saya menghubungi JPS sebagai susulan terhadap permohonan dibuat. Apa yang dikesalkan ialah Pembantu Teknik yang bertugas selalu tiada di pejabat kerana mempunyai tugas di luar.

Lebih mengecewakan ialah tiada pegawai lain sama ada juruteknik atau jurutera yang boleh memberi jawapan setiap kali saya kemuka pertanyaan. Pengarah dan Timbalan Pengarah juga sukar dihubungi bagi bertanyakan status permohonan. Kini lapan bulan berlalu. Bukan ke-lulusan yang diperolehi, ulasan dan komen juga tidak diterima.

**KONTRAKTOR KECIL,**

*Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur*